

Headline	Prejudis perkauman masih menebal di AS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	370 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 12,705	PR Value	RM 38,115



# Prejudis perkauman masih menebal di AS

Obama gagal atasi ekstremis termasuk golongan anti-Islam



Amerika Syarikat (AS) sering menonjolkan dirinya sebagai negara yang memperjuangkan hak asasi manusia dan demokrasi global. Ramai tidak mengetahui bahawa penduduk kulit hitam hanya mempunyai hak untuk mengundi pada tahun 1960-an setelah pelbagai siri perjuangan hak sivil dilancarkan menuntut hak sama rata antara penduduk kulit putih dan bukan berkulit putih. Masyarakat minoriti di Malaysia sebenarnya dibenarkan oleh perlembagaan lebih awal untuk mengundi sejak kemerdekaan tahun 1957 berbanding dengan AS.

Pencapaian terbesar AS dalam isu penentangan terhadap prejudis perkauman adalah dengan pemilihan Presiden kulit hitam pertama iaitu Barack Obama pada tahun 2008. Ramai melihat dan meramalkan rakyat AS berjaya mengetepikan sentimen perkauman dan boleh menerima rakyat berlainan kulit untuk menerajui negara. Namun, insiden terkini menjadikan ramai pihak berfikir semula sama ada AS berubah atau masih seperti sebelum ini meletakkan prejudis perkauman sebagai ciri budaya politik penduduk AS.

Pada 19 April lalu, penduduk kulit hi-

tam, Freddie Gray, berumur 25 tahun meninggal dunia ketika di dalam tahanan politik. Ini menyebabkan pada 27 April lalu berlaku rusuhan kaum di bandar Baltimore. Rusuhan menyebabkan 201 orang ditahan serta 98 polis cedera ketika meleraikan rusuhan dan kecurian. Pada 1 Mei lalu, peguam negeri Baltimore, Marilyn Mosby, membacakan pertuduhan kes kepada enam pegawai polis bagi pertuduhan mencederakan mangsa, salah pemenjaraan, cuai dan membunuh.

## Prejudis perkauman

Insiden ini bukan baharu, malah pernah berlaku khususnya di bawah pentadbiran Obama. Misalnya pada 10 Ogos 2014 di Ferguson, Missouri, rusuhan kaum berlaku selepas kematian seorang remaja, Michael Brown, yang telah ditembak oleh polis Ferguson. Ada pertuduhan mengatakan bahawa polis AS mempunyai prejudis perkauman ke atas penduduk kulit hitam dan lain-lain seperti keturunan Asia dan Hispanik.

Dalam membincangkan isu ini, Obama ketika berucap di Lehman College di Bronx menyalahkan ketidaksamarataan ekonomi masyarakat menyebabkan berlakunya insiden di Baltimore dan Ferguson tersebut. Masalah ini timbul dalam kalangan minoriti yang dipinggirkan sejak lahir. Mereka marah akan kemunduran hidup menyebabkan kulit hitam dan Hispanik memberontak dan menentang pihak berkuasa. Meskipun Obama adalah Presiden kulit hitam pertama AS, beliau juga gagal melenyapkan sikap prejudis perkauman di AS dan juga kegagalan menangani isu kemiskinan serta masalah sosial penduduk minoriti.

Obama juga dilihat gagal menangani sikap ekstremis sebahagian penduduk AS yang anti-Islam. Sikap Islamofobia ini semakin menular kerana sikap berat sebelah media AS yang sering menyalahkan

Islam apabila berlaku keganasan. Misalnya terbaharu pada 3 Mei, agama Islam dan penduduk Muslim disalahkan apabila berlaku tembak menembak di pameran karikatur Nabi Muhammad SAW di Texas yang mengorbankan dua penembak terbabit.

Media menyalahkan penembak, namun pihak penganjur yang melakukan provokasi terus dilindungi. Pameran bertajuk *Muhammad Art Exhibit and Contest* dianjurkan organisasi yang memperjuangkan hak kebebasan bersuara dikenali sebagai American Freedom Defense Initiative (AFDI).

## Pihak buat provokasi dilindungi

Southern Poverty Law Center melabel AFDI sebagai kumpulan yang penuh kebencian. AFDI dilindungi kerana mengikut Perlembagaan AS berdasarkan Pindaan Pertama, kebebasan menyuarakan kebencian kepada kaum atau agama lain dibenarkan dan dilindungi perlembagaan. Di AS, nilai saling menghormati kurang penting berbanding kebebasan menyuarakan kebencian. Pada pameran itu, satu peraduan diadakan menawarkan hadiah AS\$10,000 (RM36,000) kepada sesiapa yang berjaya menghasilkan lukisan atau karikatur menunjukkan imej Nabi Muhammad SAW. Seorang artis Bosch Fawstin memenangi peraduan itu yang melukis kartun Nabi Muhammad SAW sambil memakai serban dengan melayangkan pedang Baginda dengan menjerit "You can't draw me" (Anda tidak boleh melukis saya).

Meskipun tindakan penembak itu harus ditolak, kritikan harus dilakukan terhadap penganjur pameran yang jelas melakukan provokasi menghina Islam. Insiden ini seolah-olah seperti insiden Charlie Hebdo di Perancis, namun tidak mengorbankan peserta dan artis yang terbabit dengan pameran tersebut. Ke-

Headline	Prejudis perkauman masih menebal di AS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 May 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	370 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 12,705	PR Value	RM 38,115

rajaan AS jelas dilihat tidak bermaya menghadapi sikap prejudis sebilangan rakyatnya yang terus membangkitkan sentimen perkauman yang tidak sihat. Jelas, diskriminasi berlaku terhadap sebilangan minoriti dan Muslim. Melihat situasi ini, masyarakat antarabangsa mula hilang rasa hormat kepada AS sebagai negara yang boleh dicontohi dari segi hak asasi manusia dan demokrasi. Yang jelas, prejudis perkauman masih mekar di AS.



**Penulis**

ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.